

BAB IV

IMPLEMENTASI HUKUMAN SEBAT DI BANDAR BIREUEN

4.1. Pendahuluan

Pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen sangat disokong oleh ulama', masyarakat dan kerajaan. Dengan sokongan tersebut kerajaan Bireuem telah menghukum sebat seramai 18 pesalah pada tahun 2005 lalu yang melanggar Kanun No. 13 Tahun 2003 tentang perjudian dan Kanun No. 14 Tahun 2003 tentang khalwat. Hukuman sebat tersebut bertujuan sebagai pengajaran kepada pesalah dan masyarakat supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

4.2. Kes Pelanggaran Kanun Yang Mengakibatkan Hukuman Sebat di Bireuen

Aplikasi hukuman sebat telah berjalan selama tujuh tahun di bandar Bireuen. Namun demikian, masih terdapat pelanggaran kanun yang berlaku dalam kalangan masyarakat bandar Bireuen, terutamanya pelanggaran Kanun No. 13 Tahun 2003 tentang pengharaman perjudian dan Kanun No. 14 Tahun 2003 tentang pengharaman khalwat.¹⁸³ Berikut adalah senarai pelanggaran terhadap kanun di atas yang berlaku sejak tahun 2005 hingga tahun 2009 di bandar Bireuen.

¹⁸³ Lihat *Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Isntuksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syari'at Islam*, (2009), *op.cit.*, h. 339 dan 346.

Jadual 4.2 Kes Pelanggaran Kanun No. 13 Tahun 2003 Tentang Perjudian di Bandar Bireuen Bermula Dari Tahun 2005-2009.¹⁸⁴

Tahun	Jumlah Semua Kes	Jumlah Kes	Hukuman ke Atas Masing-Masing Kes (Pesalah)
2005	26 kes perjudian	20 kes	6 kali sebatan
		3 kes	7 kali sebatan
		2 kes	8 kali sebatan
		1 kes	10 kali sebatan
2006	6 kes perjudian	4 kes	7 kali sebatan
		2 kes	9 kali sebatan
2007	14 kes perjudian	6 kes	6 kali sebatan
		3 kes	7 kali sebatan
		2 kes	8 kali sebatan
		3 kes	10 kali sebatan
2008	20 kes perjudian	2 kes	2 kali sebatan
		5 kes	6 kali sebatan
		2 kes	7 kali sebatan
		2 kes	8 kali sebatan
		1 kes	10 kali sebatan
		1 kes	12 kali sebatan
		2 kes	tidak disebat kerana meninggal
5 kes	tidak disebat kerana fail kesnya dikembalikan kepada pendakwa kerana bukti tidak lengkap		
2009	6 kes perjudian	2 kes	6 kali sebatan
		2 kes	7 kali sebatan
		2 kes	10 kali sebatan

Sumber: Pejabat Mahkamah Syariah bandar Bireuen, data ini pengkaji peroleh pada 25 Mei 2010.

Berdasarkan Jadual 4.2 di atas, didapati bahawa pada tahun 2005 terdapat 32 kes pelanggaran terhadap kanun No. 13 Tahun 2003 yang disabitkan kesalahan dengan hukuman 10 kali sebatan ke atas seorang pesalah, 9 kali sebatan ke atas seorang pesalah, 8 kali sebatan ke atas empat pesalah, 7 kali sebatan ke atas enam

¹⁸⁴ Pengkaji memperoleh data di atas dari Pejabat Mahkamah Syariah Bandar Bireuen selepas bertemu bual dengan Muzzammil Ali selaku Pengetua Mahkamah Syariah Bandar Bireuen pada 25 Mei 2010, pukul 09.35 am.

pesalah dan 6 kali sebatan ke atas dua puluh orang pesalah. Di antara 32 pesalah tersebut iaitu Ridwan bin Peukat, Sabri bin Ahmad, Fitriadi bin Idris, Saiful Hidayat bin Ismail, Amirudin bin Harun, Zakaria bin Yusuf, Ridwan bin Ahmad, Safrizal bin Ishak, Feri bin Umar, M. Ali bin Ismail, M. Dahlan bin Hamid, Karmidi bin Abdullah, Novannur bin Rusli, Afifuddin bin Abdussalam, Syarbini bin Thahir, Zulkifli bin Ahmad, Irwan bin Saleh, Zulkifli bin Nurdin, Mawardi bin Razali dan Aditiyawarman bin Rustam Efendi, masing-masing dikenakan hukuman 6 kali sebatan. Kemudian tiga orang berikutnya dikenakan tujuh kali sebatan iaitu Hasan Basri bin Thaib, Rusli bin Branza dan Mulyadi bin M. Ali. Manakala dua orang pesalah iaitu Sofyan bin Abdul Gani dan Iswandi bin Thaib masing-masing dikenakan hukuman 8 kali sebatan. Sementara itu seorang pesalah iaitu Syukri Putra bin M. Thaib yang sudah disabitkan hukuman sepuluh kali sebatan, bebas daripada hukuman sebat tersebut kerana membayar wang tebusan sebanyak Rp. 25 juta kepada Mahkamah Syariah Bireuen.¹⁸⁵

Bilangan sebatan yang dijatuhkan ke atas pesalah mengikut kepada tingkat pelanggaran yang dilakukan.¹⁸⁶ Seperti hukuman sepuluh kali sebatan yang dikenakan kepada Syukri bin M. Thaib. Mengikut kepada fakta kes, menunjukkan bahawa Syukri bin M. Thaib merupakan agen kepada judi jenis nombor ekor.¹⁸⁷ Manakala 25 pesalah lainnya dihukum sebat enam hingga lapan kali sebatan kerana disabitkan kesalahan berjudi jenis daun terup dan nombor ekor. Namun dari 25

¹⁸⁵ Lihat http://www.aceh-eye.org/a-eye_news_files/a-eye_nesw_bahasa/nesw_item.asp?newsID=962, 26 Ogos 2010.

¹⁸⁶ Hasil temubual dengan Ketua Mahkamah Syariah bandar Bireuen bapa Muzzamil Ali. Temubual tersebut pengkaji laksanakan melalui telefon bimbit dari Kuala Lumpur ke Aceh pada 24 Disember 2012, pukul 20.23 pm.

¹⁸⁷ Lihat <http://www.indosiar.com/ragam/41879/dibalik-derita-hukum-cambuk>, 17 Oktober 2011.

pesalah tersebut hanya 15 pesalah sahaja yang disabitkan memenuhi syarat bagi menjalani hukuman. Manakala 10 pesalah lainnya tidak memenuhi syarat untuk disebat kerana keadaan kesihatan mereka yang kurang baik.¹⁸⁸

Pada hari Jumaat 24 Jun 2005 telah dijalankan hukuman sebat terhadap 15 pesalah di depan Masjid Agung Bireuen selepas solat Jumaat. Pelaksanaan hukuman sebat tersebut disaksikan secara langsung oleh Gabenor Nanggroe Aceh Darussalam Azwar Abubakar. Ketika memberi ucapan sebelum hukuman sebat dijalankan, beliau mengatakan bahawa hukuman sebat pada masa itu merupakan sejarah pelaksanaan hukuman sebat yang pertama di Nanggroe Aceh Darussalam dan di Indonesia. Daripada pelaksanaan hukuman sebat tersebut diharapkan supaya kemaksiatan dapat dihapuskan dari bumi Serambi Mekah (Nanggroe Aceh Darussalam).¹⁸⁹

Kemudian pada hari Jumaat 24 Februari 2006, hukuman sebat dilaksanakan buat kali kedua terhadap enam pesalah. Pelaksanaan hukuman sebat tersebut dijalankan di depan Masjid Jamek Matanglumpangdua, Daerah Peusangan bandar Bireuen. Namun apabila hukuman sebat hendak dijalankan tiga orang pesalah melarikan diri sehingga tidak dapat dihukum.¹⁹⁰ Menurut pengkaji, hal tersebut berlaku kerana tidak wujud kanun acara jenayah yang membolehkan penahanan terhadap pesalah, sehingga pesalah tersebut melarikan diri daripada hukuman. Menurut Ricky Febrian SH, beliau mengatakan bahawa tidak wujudnya kanun acara jenayah membuat pihak Pendakwa Raya dan Wilayatul Hisbah sukar untuk

¹⁸⁸ *Ibid.*,

¹⁸⁹ Lihat dalam <http://danijurnalis.wordpress.com/2009/08/24/apa-kabar-penerapan-hukuman-cambuk-di-kabupaten-bireuen/>, 10 Ogos 2010.

¹⁹⁰ *Ibid.*,

menghadirkan pesalah ketika proses hukuman sebat hendak dijalankan, kerana pesalah sudah melarikan diri.¹⁹¹

Manakala pada tahun 2007 terdapat 14 kes pelanggaran. Di antara pesalah tersebut ialah Asmawar bin Muhammad, Ramli bin Ahmad, Azhari bin T. Jalil, Rahmad bin Murdani, Fauzi bin Mukhtar, Saifunnur bin Yusuf masing-masing menerima hukuman enam kali sebatan. Berikutnya Iskandar bin M. Yusuf, Alamsyah bin Abubakar, Jailani bin Ishaq masing-masing menerima hukuman tujuh kali sebatan. Kemudian Martudin bin Muhammad, Abdullah bin Yusuf kedua-duanya menerima hukuman lapan kali sebatan. Manakala Zakaria bin M. Yusuf, M. Dahlan bin Hamid dan Muhammad bin Ismail masing-masing menerima hukuman sepuluh kali sebatan.

Pada tahun 2008 terdapat 20 kes pelanggaran iaitu Jailani bin Affan Safwan bin Abdullah kedua-duanya menerima hukuman dua kali sebatan. Kemudian Irwan bin Saleh, M. Jamin bin Sulaiman, Abdurrahman bin Saman, Khairul bin Ramli dan Hamzah bin Abidin masing-masing menerima hukuman enam kali sebatan. Seterusnya M. Husen bin Usman dan Mahyiddin bin Idris kedua-duanya menerima hukuman tujuh kali sebatan. Selanjutnya Jufri bin Abdullah dan Jailani bin Sulaiman kedua-duanya menerima hukuman lapan kali sebatan. Selain itu, Rusli bin Husen menerima hukuman sepuluh kali sebatan dan Suryadi bin Abdurrahman menerima hukuman dua belas kali sebatan. Manakala Razali bin Abdul Gani dan Abdurrahman bebas daripada hukuman sebat kerana kedua-duanya telah mati. Sementara itu, Dedi

¹⁹¹ Ricky Febriandi, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Jenayah Am. Temubual dilaksanakan di pejabat Pendakwa Raya Kerajaan bandar Bireuen pada 20 Oktober 2010, pukul 14. 24 Petang.

Syahpurta bin Masri, Sudirman bin Alamsyah, Daud bin Elly Munirwan bin Ramli dan Sulaiman bin Abdurrahman, kesemua fail perkara mereka dikembalikan kepada Pendakwa Raya kerana bukti-bukti perkara tidak lengkap sehingga Mahkamah Syariah tidak dapat mensabitkan hukuman terhadap mereka.

Kemudian pada tahun 2009 terdapat enam kes pelanggaran iaitu Idris bin Ramdhan dan Zulfan bin Kasim kedua-duanya menerima hukuman enam kali sebatan. Berikutnya Abdullah bin Mahyuddin dan Mukhlis bin Jarman menerima hukuman tujuh kali sebatan. Kemudian Nur Rahman bin Jamaluddin dan Rahmat bin Faishal kedua-duanya menerima hukuman sepuluh kali sebatan.

Semua kes pelanggaran kanun No. 13 Tahun 2003 yang berlaku bermula dari tahun 2007 hingga 2009 adalah sebanyak 40 kes. Namun, hukuman sebat ke atas pesalah masih belum dapat dijalankan. Hal tersebut berlaku disebabkan oleh beberapa masalah. Di antara masalah tersebut adalah kurangnya sokongan kerajaan daerah terhadap pelaksanaan hukuman sebat. Perkara itu terbukti apabila belanjawan daerah atau disebut dengan Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah (APBD) untuk pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen tidak dikeluarkan oleh Bupati selaku Pengarah daerah.¹⁹² Demikian pula penjelasan daripada Pengarah Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen Wawan Ernawan SH mengatakan bahawa pihaknya sudah beberapa kali menghantar fail identiti pesalah yang akan menjalani hukuman sebat kepada Dinas Syariat Islam sebagai penyedia hukuman. Namun hingga ke hari ini

¹⁹² Muzzamil Ali, Pengetua Mahkamah Syariah Bandar Bireuen. Temubual melalui telefon bimbit dari Kuala Lumpur ke bandar Bireuen di Nangroe Aceh Darussalam pada 24 Disember 2012, pukul 20.23 pm.

tidak wujud sambutan dan kepastian untuk menjalankan hukuman sebat tersebut. Menurut beliau perkara seperti ini berlaku kerana peruntukan dana bagi menjalankan hukuman tersebut belum dikeluarkan oleh Bupati.¹⁹³ Sementara itu dana yang diperlukan untuk proses hukuman sebat adalah mengikut kepada keterangan Pengarah Suruhanjaya Siasatan dan Satuan Polis Pamong Praja (Satpol PP) dan Wilayatul Hisbah (WH) Aceh. Marzuki menyatakan bahawa pihaknya memerlukan dana mencecah Rp 8.7 juta untuk satu kali pelaksanaan hukuman sebat, yang mana dana tersebut diperoleh dari APBD bandar masing-masing.¹⁹⁴

Manakala Bupati (Dato' Bandar) bandar Bireuen, Nurdin Abdul Rahman berpendapat bahawa pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen belum masanya untuk dijalankan. Hal ini kerana peningkatan taraf pendidikan masyarakat Bireuen adalah lebih diutamakan. Di samping itu, beliau juga menyatakan bahawa hukuman sebat yang dijalankan pada masa ini tidak sesuai dengan rasa keadilan. Kerana masyarakat yang dikenakan hukuman sebat tersebut majoriti daripada kalangan yang tidak faham tentang kandungan kanun tersebut. Perkara semacam ini berlaku disebabkan tidak wujudnya maklumat tentang Kanun Jenayah yang disebarkan secara menyeluruh kepada masyarakat awam.¹⁹⁵

¹⁹³ Wawan Ernawan, Pengarah Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen. Temu bual dilaksanakan di pejabat Pendakwa Raya Kerajaan di Bandar Bireuen pada 20 Oktober 2010, pukul 15.30 pm. Ketika pengkaji bertemu bual responden, tampak dari ekspresi mukanya rasa kecewa ke atas sikap kerajaan Bireuen yang tidak perihatin serta tidak memberi tumpuan terhadap pelaksanaan hukum sebat di Bandar Bireuen.

¹⁹⁴ Lihat <http://www.tribunnews.com/2012/02/10/sekali-eksekusi-hukuman-cambuk-butuhkan-dana-rp-87-juta>, 23 Maret 2012.

¹⁹⁵ Lihat dalam <http://serambinews.net/news/view/5363/hukum-cambuk-belum-cerminkan-keadilan>, 03 Mei 2010.

Berdasarkan beberapa faktor yang berkaitan dengan masalah pelaksanaan hukuman sebat tersebut, maka pengkaji bersefahaman dengan Drs. Muzzammil Ali yang menyatakan bahawa punca timbulnya masalah dalam pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen adalah kerana kurangnya sokongan dana daripada kerajaan. Untuk mengatasi masalah tersebut, Dinas Syariat Islam selaku fasilitator pelaksanaan hukuman sebat perlu memohon peruntukan dana kepada bupati bagi menjalankan hukuman sebat tersebut, sehingga hukuman dapat dijalankan dengan baik.

Sementara itu, menurut keterangan pihak Wilayatul Hisbah mengenai pelanggaran Kanun No. 14 Tahun 2003 tentang khalwat, pesalah yang melanggar kanun tersebut ialah yang sudah berkahwin dan yang tidak berkahwin.¹⁹⁶ Namun apa yang sangat membimbangkan adalah penyelesaian kes tersebut menggunakan hukum adat iaitu penyelesaian perkara dengan cara kekeluargaan bagi yang sudah berkahwin dan mengahwinkan pesalah bagi yang tidak berkahwin. Penyelesaian perkara dengan menggunakan hukum adat seperti ini telah dinilai oleh Pengarah Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen iaitu Wawan Ernawan SH. Beliau menyatakan bahawa penyelesaian kes tersebut sebaiknya tidak menggunakan hukum adat. Hal ini kerana hukuman dengan menggunakan hukum adat tidak membawa kesan positif, malah tampak bahawa hukum adat boleh mengetepikan undang-undang negara.¹⁹⁷ Perkara yang lebih membimbangkan lagi adalah hukuman ke atas penzina iaitu membayar

¹⁹⁶ Muhammad Daud, Pengarah Suruhanjaya Siasatan Kanun Pencegahan dan Perdamaian. Temu bual dilaksanakan di pejabat Wilayatul Hisbah bandar Bireuen pada 24 Mei 2010, pukul 11.30 am.

¹⁹⁷ Lihat dalam <http://danijurnalis.wordpress.com/2009/08/24/lima-tahun-penerapan-syariat-islam-di-aceh-di-kabupaten-bireuen-pelanggaran-terbanyak-qanun-nomor-11/>, 28 Ogos 2010.

tebusan wang (atau simen). Kemudian wang (atau simen) tersebut dimanfaatkan untuk membina tempat ibadah seperti masjid dan surau.¹⁹⁸

Manakala kes pelanggaran kanun No. 12 Tahun 2003 tentang meminum arak, pengkaji tidak memperolehi data mengenainya, sama ada dari Mahkamah Syariah mahupun Dinas Syariat Islam bandar Bireuen. Ketiadaan data tersebut kerana setakat ini pihak Polis, Satpol PP dan Wilayatul Hisbah tidak mendapati kes pelanggaran terhadap kanun tersebut serta ketiadaan aduan daripada masyarakat mengenai perkara tersebut sama ada aduan ke Mahkamah Syariah Bireuen mahupun ke Dinas Syariat Islam Bireuen.

4.3. Masalah dan Cabaran Pelaksanaan Hukuman Sebat di Bandar Bireuen

Terdapat beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Masalah dan cabaran tersebut berpunca sama ada daripada faktor dalaman mahupun luaran kerajaan Bireuen. Di bawah ini pengkaji akan menghuraikan beberapa masalah dan cabaran yang dapat menghalang kepada pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.

¹⁹⁸ *Ibid.*, Wawan Ernawan juga menegaskan bahawa hukuman secara adat tersebut tidak sesuai dengan prinsip kanun jenayah Aceh. Seperti dalam kes khalwat, bahawa apabila yang tertangkap tangan melakukan khalwat adalah seorang dara dengan teruna, maka akan dikahwinkan. Manakala dalam kanun syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam sepatutnya disebat. Selain itu pula membayar denda seperti membeli simen untuk membina tempat ibadah dan denda adat lainnya. Hal ini sangat tidak sesuai dengan perundangan Islam, kerana denda perbuatan zina tersebut digunakan bagi pembinaan masjid dan surau. Temubual dengan Pengarah Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen, Wawan Ernawan di pejabat beliau pada 22 Mei 2010, pukul 15.30 pm.

4.3.1. Masalah Pelaksanaan Hukuman Sebat

Di bawah ini adalah beberapa masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Masalah tersebut berpunca dari faktor dalaman kerajaan Bireuen. Di antara masalah tersebut ialah:

4.3.1.1. Dana dan Kemudahan Institusi Penguatkuasa Kanun Yang Terhad

Dana dan kemudahan sangat diperlukan bagi menyokong program pelaksanaan Syariat Islam di bandar Bireuen. Apabila dana dan kemudahan penyokong tidak wujud dengan baik, bagaimana institusi penguat kuasa kanun dapat menjalankan tugasnya dengan baik pula. Oleh itu, kewujudan dana dan kemudahan tersebut merupakan keperluan asas yang mesti diwujudkan.¹⁹⁹

Kekangan dana dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti bagi menyokong pelaksanaan syariat Islam secara *kaffah* di bumi Aceh cukup dirasai oleh pelbagai institusi penguat kuasa kanun seperti Mahkamah Syariah, Dinas Syariat Islam mahupun Wilayatul Hisbah. Masalah yang sama juga dialami oleh Polis, Pendakwa Raya, Institusi Penjara dan institusi-institusi lain yang secara tidak langsung terlibat dalam pelaksanaan Syariat Islam. Namun, keterbatasan dana dan kemudahan tersebut bukan sahaja dihadapi oleh bandar Bireuen, akan tetapi turut membelenggu bandar-bandar lain yang mempunyai belanjawan daerah yang sangat terhad untuk keperluan

¹⁹⁹ Syahrizal Abbas (2009), *Syariat Islam di Aceh: Ancangan Metodologi dan Penerapannya*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 93

operasional pelaksanaan Syariat Islam.²⁰⁰ Keterbatasan dana dalam pelaksanaan hukuman sebat dinyatakan oleh Tengku Ridwan Abdullah iaitu salah seorang ulama' bandar Bireuen ketika ditemu bual oleh pengkaji. Dalam temu bual tersebut beliau telah mengatakan bahawa:

“dana yang diperlukan oleh penghukum ketika menjalankan hukuman sebat terhadap pesalah di bandar Bireuen ini memerlukan lebih kurang Rp. 10,000,000.- (sepuluh juta rupiah). Di mana dana tersebut digunakan untuk operasi hukuman sebat dan juga untuk keperluan perubatan pesalah setelah hukuman sebat dilaksanakan. Namun dana tersebut sampai sekarang belum turun dari bupati sehingga hukuman tersebut tidak dapat dilaksanakan.”²⁰¹

Tidak mempunyai peruntukan dana bagi pelaksanaan hukuman sebat tersebut juga turut dinyatakan oleh Drs. Muzzammil Ali. Beliau mengatakan bahawa Bupati tidak mengeluarkan dana bagi pelaksanaan hukuman sebat, sehingga menyebabkan hukuman sebat tersebut belum dilaksanakan hingga ke hari ini.²⁰² Demikian pula Wawan Ernawan SH mengatakan bahawa Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen sudah beberapa kali menghantar fail identiti pesalah yang akan menjalani hukuman sebat kepada Dinas Syariat Islam sebagai fasilitator. Namun pihak Dinas Syariat Islam belum melaksanakan hukuman sebat. Menurut beliau perkara seperti ini berlaku kerana Bupati tidak memperuntukkan dana untuk pelaksanaan hukuman sebat tersebut.²⁰³ Untuk menyelesaikan masalah tersebut, pihak Dinas Syariat Islam selaku fasilitator pelaksanaan hukuman sebat memohon kepada Bupati supaya mengeluarkan dana bagi pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.

²⁰⁰ *Ibid.*, h. 92

²⁰¹ Tengku Ridwan Abdullah, Ulama dan Imam Masjid Kota Juang Bandar Bireuen. Temu bual dilaksanakan di rumah beliau pada 27 Mei 2010, pukul 13. 35 pm.

²⁰² Muzzamil Ali, Pengetua Mahkamah Syariah Bandar Bireuen. Temu bual melalui telefon bimbit dari Kuala Lumpur ke Bandar Bireuen di Nanggroe Aceh Darussalam pada 24 Disember 2012, pukul 20.23 pm.

²⁰³ Wawan Ernawan, Pengarah Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen. Temu bual dilaksanakan di pejabat Pendakwa Raya Kerajaan di bandar Bireuen pada 20 Oktober 2010, pukul 15.30 pm.

Kemudahan dalam pelaksanaan hukuman sebat juga sangat terhad. Hal itu terbukti dengan kewujudan bilik persidangan yang kecil untuk proses penyelesaian perkara pelanggar kanun.²⁰⁴ Masalah yang demikian juga dialami Drs. Muzzammil Ali, ketika ditemubual oleh pengkaji di jabatan Mahkamah Syariah. Beliau mengatakan:

*“.....kami sebagai pihak penegak hukum menemukan masalah di pejabat kami iaitu keterbatasan fasiliti yang ada di Mahkamah Syariah, seperti ruang mesyuarat yang sangat kecil sehingga kami merasa kesulitan dalam memutuskan perkara yang banyak kerana tidak cukup ruang untuk menjalankan persidangan. Sampai hari ini sudah banyak kes yang didaftarkan ke pejabat Mahkamah Syariah, tetapi semua kes tersebut belum kami sidangkan.”*²⁰⁵

Selepas mengadakan temubual, pengkaji berkesempatan mengadakan observasi ke bilik persidangan yang digunakan Mahkamah Syariah untuk persidangan perkara. Ketika pengkaji mengadakan tinjauan tersebut pengkaji mendapati bahawa bilik persidangan yang digunakan memang sangat kecil dan fasiliti yang sangat terhad.²⁰⁶ Dengan demikian wajarlah apabila kes-kes yang masuk ke Mahkamah Syariah banyak yang belum dapat disidangkan dan diputuskan oleh hakim.

²⁰⁴ Syahrizal Abbas (2009), *op.cit.*, h. 92

²⁰⁵ Muzzamil Ali, Pengetua Mahkamah Syariah Bandar Bireuen. Temubual dijalankan di pejabat beliau pada 25 Mei 2010, pukul 09. 30 am. Beliau juga menambahkan bahawa salah satu faktor penghalang hukuman sebat di bandar Bireuen iaitu kerana Bupati Bireuen pada masa ini dipimpin oleh mantan Gerakan Aceh Merdeka (GAM), yang mana pada mulanya kumpulan GAM sangat komitmen untuk melaksanakan Syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam sebelum mereka menguasai kerajaan. Namun apabila mereka berkuasa, malahan tidak menyokong pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam dengan hujah meningkat tarap pendidikan di Aceh lebih diutamakan daripada pelaksanaan Syariat Islam itu sendiri. Hal itu terbukti dengan tidak dijalankannya hukuman sebat di beberapa bandar yang dipimpin oleh kumpulan GAM seperti Bandar Bireuen, Aceh Timur, Aceh Barat, Aceh Utara, Aceh Jaya, Pidie dan Sabang.

²⁰⁶ Hasil pengamatan pengkaji ke bilik persidangan selepas bertembual dengan Pengetua Mahkamah Syariah Bandar Bireuen Muzzammil Ali pada 25 Mei 2010, pukul 10.15 am.

4.3.1.2. Peruntukan Kanun Jenayah Tidak Sempurna

Walaupun Mahkamah Syariah Nanggroe Aceh Darussalam telah ditubuhkan sejak tahun 2001, namun sehingga ke hari ini masih wujud beberapa masalah yang masih belum dapat diselesaikan. Masalah utamanya ialah peruntukan kanun jenayah yang dimiliki kerajaan Aceh belum sempurna. Undang-undang yang menetapkan kanun acara jenayah bagi menyokong pelaksanaan kanun keseksaan hingga hari ini masih belum dibuat. Hal ini diakui oleh pegawai penguat kuasa kanun, sama ada Polis, Pendakwa mahupun Hakim Mahkamah Syariah. Sementara itu, kanun keseksaan jenayah tidak dapat dijalankan apabila tidak ada kanun acara jenayah (hukum acara pidana). Ketiadaan kanun acara jenayah tersebut menjadi masalah bagi pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.²⁰⁷

Dalam menjalankan prosedur perundangan, bermula dari penyelidikan, siasatan, penahanan, penangkapan, dan dakwaan belum mendapat kaedah yang sempurna dalam penguatkuasaan kanun jenayah. Kanun acara jenayah yang sedia ada ketika iaitu tidak terdapat peraturan penahanan terhadap tertuduh pelanggaran kanun jenayah, sehingga siasatan tidak dapat dijalankan kerana pesalah tidak dapat dihadirkan pada masa persidangan. Masalah ini berlaku kerana di dalam kanun acara jenayah tersebut tidak menetapkan penahanan terhadap tertuduh. Dengan demikian pesalah tidak dapat dijatuhi hukuman sebat.²⁰⁸ Ketidakpastian kanun acara jenayah tersebut dialami oleh Pendakwa Raya Bireuen. Sepertimana yang dinyatakan oleh Ricky Febrian SH selaku Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Jenayah Am ketika ditemu bual. Beliau mengatakan bahawa :

²⁰⁷ Syahrizal Abbas (2009), *op.cit.*, h. 87.

²⁰⁸ *Ibid.*, h. 88.

“..... kami sebagai pihak penyidik perkara merasakan kesusahan ketika menjalankan penyidikan terhadap terdakwa, karena di dalam kanun acara jenayah tidak ada aturan yang membolehkan menahan terdakwa untuk proses penyidikan. Sehingga ketika akan mengadakan penyidikan, terdakwa tidak dapat dihadirkan ke kantor karena terdakwa tersebut sudah kabur dari pengawasan polisi.”²⁰⁹

Dari hasil temubual tersebut dapat difahami bahawa masalah yang dihadapi penyiasat ialah ketiadaan kanun acara jenayah yang membolehkan penahanan terhadap tertuduh untuk proses siasatan, akibatnya tertuduh tidak dapat dihadirkan ketika siasatan hendak dijalankan, kerana sudah melarikan diri. Ketiadaan siasatan tersebut menjadi penghalang bagi Hakim untuk menjatuhkan hukuman sebat kepada pesalah.

4.3.1.3. Wujudnya Diskriminasi (Ketidakadilan) Pelaksanaan Hukuman Sebat Dalam Kalangan Masyarakat Bireuen

Pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen pada 24 Jun 2005 dahulu mendapat sambutan yang positif dari kalangan masyarakat. Walaupun pada masa itu terdapat sebahagian masyarakat yang menyatakan bahawa pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen tidak mengikut kepada prinsip keadilan. Beberapa individu daripada masyarakat bandar Bireuen yang menjadi informan kajian ini menyatakan sokongan mereka terhadap pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Salah satunya iaitu Haji Zainuddin Daud selaku Ketua Kampung²¹⁰ Geudong-geudong, mengatakan:

²⁰⁹ Ricky Febriandi, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Jenayah Am. Temu bual di ruang pejabat Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen pada 20 Oktober 2010 pukul 14. 24 petang.

²¹⁰ Kepala Desa adalah sebutan bagi seseorang yang mengetuai satu daerah kecil, di Malaysia biasanya disebut Penghulu kampung.

“saya setuju dengan hukuman cambuk di Bireuen, tetapi dengan catatan jangan berlaku untuk masyarakat kecil sahaja. Masyarakat pun menyokong dan kita salut (hormat) kepada Bupati Pengarah Daerah untuk menjalankan tugas-tugas ini. Tugas ini memang berat, karena memberikan tindakan hukuman kepada rakyat awam, memberi pengarah kepada mereka bukanlah pekerjaan mudah. Sebagai ketua kampung, saya pun sering mengarahkan dan melarang masyarakat untuk tidak berbuat yang melanggar syariat, seperti main judi dan nombor ekor.”²¹¹

Hasil daripada temubual tersebut dapat difahami bahawa masyarakat bandar Bireuen sangat menyokong pelaksanaan hukuman sebat. Namun masyarakat berharap supaya pelaksanaannya perlu berlandaskan kepada prinsip keadilan dan tanpa pilih kasih. Sambutan positif juga disampaikan oleh beberapa penduduk Bireuen. Seperti Murtadha menyatakan bahawa pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen merupakan satu langkah awal yang baik yang dilakukan oleh kerajaan dalam usaha untuk melaksanakan Syariat Islam secara *kaffah*. Namun realitinya, pelaksanaan hukuman sebat tersebut lebih terkesan berlaku kepada golongan bawahan sahaja, manakala golongan atasan (pegawai kerajaan) tidak berlaku. Oleh itu, demi memastikan masyarakat tetap menyokong pelaksanaan hukuman sebat tersebut, maka pelaksanaan hukuman sebat itu mesti mengikut kepada prinsip keadilan dalam masyarakat, bermaksud tidak pilih kasih antara masyarakat bawahan dengan pegawai kerajaan dan antara orang kaya dengan orang miskin.²¹² Di samping itu, terdapat segelintir penduduk yang menolak pelaksanaan hukuman sebat tersebut, apabila pelaksanaannya tanpa mengikut kepada prinsip-prinsip keadilan. Prinsip keadilan yang dimaksudkan ialah pelaksanaan hukuman sebat tersebut dilakukan ke atas sesiapa sahaja yang disabitkan melakukan

²¹¹ Haji Zainuddin Daud, Penghulu Kampung Geudong-geudong, Kecamatan Kota Juang. Temubual dilaksanakan di rumah beliau pada 25 Mei 2010, pukul 11.25 am.

²¹² Che Murtadha, Masyakat Kampung Juli, Kecamatan Kota Juang, Bandar Bireuen. Temubual di rumah beliau pada 23 Mei 2010, pukul 20.34 pm.

pelanggaran kanun jenayah Islam, tanpa mengira kepada taraf dan kedudukan pesalah tersebut.²¹³

Sesetengah masyarakat bandar Bireuen bersetuju dengan pelaksanaan hukuman sebat pada masa ini. Namun dengan syarat pelaksanaan hukuman sebat tersebut tidak berlaku diskriminasi (pilih kasih). Pandangan ini dinyatakan oleh seorang aktivis perempuan dalam sebuah organisasi masyarakat tempatan iaitu Gerakan Pembelaan Hak-hak Wanita (GPHW). Menurut beliau, terdapat dua aspek yang perlu diberi tumpuan dalam pelaksanaan hukuman sebat, iaitu aplikasi dan kesempurnaannya. Menurut pandangan beliau, aplikasi hukuman sebat di bandar Bireuen sangat baik. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya masih belum sempurna kerana hanya berlaku terhadap masyarakat bawahan sahaja, manakala masyarakat atasan tidak, sehingga berlaku diskriminasi hukuman dalam kalangan masyarakat.²¹⁴ Ada juga masyarakat dari kalangan petani, menyatakan persetujuan terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen, kerana ianya boleh memberi kesan taubat terhadap pesalah. Di samping itu masyarakat tidak akan sewenang-wenangnya melakukan perbuatan jenayah. Dia menyatakan bahawa pelaksanaan hukuman sebat pada mulanya berjalan dengan baik, namun pada masa ini kenyataan tersebut berubah 180 %. Tambahnya lagi, peranan penguatkuasa undang-undang seperti polis, pendakwa dan institusi lainnya tidak berfungsi dengan baik dan berlaku pilih kasih ketika menjatuhkan hukuman. Harapan besar daripada masyarakat adalah supaya

²¹³ Ali al-Khattab, Masyarakat Kampung Juli Km. 5. Bandar Bireuen. Temu bual dilaksanakan di Surau selepas solat zohor pada 28 Mei 2010, pukul 13.45 pm. Penulis juga menemu bual Puan Fatimah, Puan Ibu Hafni, dan Puan Nur Hasanah, mereka adalah suri rumah dan penduduk Kota Juang, Bandar Bireuen. Temubual dilaksanakan di pasar pagi ketika mereka membeli barangan keperluan rumah pada 23 Mei 2010, pukul 10.15 am.

²¹⁴ Cik Asrita, Aktivis perempuan pada Gerakan Pembelaan Hak-hak Wanita (GPHW). Temubual di bilik pejabat beliau pada 26 Mei 2010, pukul 12.00 am.

pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen berjalan semula dan tidak berlaku pilih kasih ketika menjatuhkan hukuman ke atas pesalah, apatah lagi terhadap perasuah yang juga mesti disebut sebelum ia dijatuhkan hukuman pemenjaraan.²¹⁵ Pandangan yang sama juga dinyatakan oleh seorang guru dari sebuah sekolah kebangsaan, mengikut pandangan beliau pelaksanaan hukuman sebat tersebut sepatutnya tidak membezakan antara pegawai kerajaan dengan masyarakat sivil. Hal ini penting demi mencapai rasa keadilan dalam masyarakat.²¹⁶

Sesetengah mahasiswa universiti juga memberi pandangan mengenai pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Seperti pernyataan Lizayanti, beliau menilai bahawa pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen tidak adil. Hal ini kerana pelaksanaannya hanya berlaku terhadap golongan bawahan, miskin dan lemah sahaja, manakala golongan atasan (pegawai kerajaan) tidak berlaku, hal ini sangat mengecewakan masyarakat.²¹⁷ Selain itu, Nur Veronika juga menyatakan bahawa penguat kuasa kanun tidak serius dalam menyelesaikan kes yang sudah disabitkan bersalah. Hal tersebut terbukti dengan pelaksanaan hukuman sebat yang tidak maksimum sehingga ke hari ini. Demikian juga Mardiana menyatakan hal yang sama dengan Nur Veronika. Namun Mardiana memberi saranan supaya kerajaan

²¹⁵ Zainal Fakhri, Petani di Kampung Paya Baro, Kecamatan Gandapura, Banda Breieun. Temu bual diadakan di kedai kopi pada 27 Mei 2010, pukul 08.27 am.

²¹⁶ Cikgu Darmiati, Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Juli. Temu bual dijalankan di bilik guru di sekolah ketika masa rehat pada 25 Mei 2010, pukul 11.30 am. Beliau juga mengatakan bahawa kerajaan Bireuen kurang menyokong pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Terbukti hingga ke hari ini hukuman sebat tidak dijalankan. Sesetengah masyarakat juga kecewa terhadap sikap cuai kerajaan terhadap pelaksanaan Syariat Islam di bandar Bireuen terutamanya pelaksanaan hukuman sebat.

²¹⁷ Cik Lizayanti, Mahasiswi Universiti al-Muslim Bireuen. Temubual dilaksanakan di kantin mahasiwa pada 27 Mei 2010, pukul 13.00 am.

memberi sokongan dalam pelaksanaan hukuman sebat di Bireuen sehingga masyarakat juga ikut serta menyokong program tersebut.²¹⁸

Merujuk kepada hasil temubual di atas, dapat disimpulkan bahawa masyarakat bandar Bireuen pada hakikatnya sangat bersetuju dan menyokong pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Walaubagaimanapun, syarat pelaksanaannya mestilah mengikut kepada prinsip-prinsip keadilan. Namun demikian, masyarakat juga merasa kecewa terhadap pendirian Penguatkuasa Kanun dalam melaksanakan hukuman sebat pada hari ini. Hal ini kerana apa yang sedang berlaku dalam realiti sebenar adalah sebaliknya. Hakikatnya, pelaksanaan hukuman sebat tersebut adalah tidak adil dalam kalangan masyarakat.

4.3.2. Cabaran Pelaksanaan Hukuman Sebat

Di samping masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat, terdapat juga cabaran dalam pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Di antara cabaran tersebut adalah:

1. Kurangnya kefahaman masyarakat terhadap kandungan kanun jenayah merupakan cabaran bagi pelaksanaan hukuman sebat di Nanggroe Aceh Darussalam.²¹⁹ Perkara yang sama juga berlaku di bandar Bireue sepertimana yang dinyatakan oleh Tengku Ridwan Abdullah iaitu salah seorang imam Masjid di bandar Bireuen. Beliau menyatakan bahawa pengetahuan masyarakat Bireuen terhadap kandungan kanun jenayah dan peraturan-peraturannya sangat kurang, sehingga

²¹⁸ Cik Nur Veronika dan Cik Mardiana, Mahasiswi Universiti al-Muslim Bireuen. Temubual dilaksanakan di laman kampus pada 27 Mei 2010, pukul 14.36 petang.

²¹⁹ Syamsul Rizal *et al.* (2007), *Dinamika dan Problematika Penerapan Syariat Islam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 96.

banyak daripada mereka yang melanggar kanun tersebut. Hal tersebut berlaku kerana sosialisasi kanun yang sangat kurang dalam kalangan masyarakat.²²⁰

2. Terdapat bantahan daripada sebahagian organisasi masyarakat tempatan terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen khususnya dan di Nanggroe Aceh Darussalam amnya. Di antaranya seperti Komisi Untuk Orang Hilang dan Korban Tindak Kekerasan (Kontras) merupakan salah satu organisasi masyarakat tempatan yang meminta supaya kerajaan Aceh menghentikan hukuman sebat di provinsi tersebut. Kerana mereka berpendapat bahawa dalam hukuman sebat tersebut terdapat unsur kekerasan yang melanggar hak asasi manusia sepertimana yang tertulis dalam konvensyen (perjanjian antarabangsa) iaitu dalam Undang-Undang No. 5 Tahun 1998. Dalam konvensyen tersebut dinyatakan bahawa segala bentuk penyiksaan dan perlakuan yang kejam terhadap manusia dan merendahkan maruah manusia adalah sangat dilarang.²²¹ Di samping itu, Amnesty International iaitu salah satu organisasi masyarakat di Indonesia telah menyatakan penolakannya terhadap pelaksanaan hukuman sebat di Nanggroe Aceh Darussalam. Menurut pandangan organisasi ini hukuman sebat tersebut melanggar Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang telah disepakati oleh Indonesia pada tahun 1998 yang mana melakukan tindakan kekerasan dilarang ketika menjalankan hukuman.²²²

²²⁰ Tengku Ridwan Abdullah, Ulama dan Imam Masjid Kota Juang B Candar Bireuen, temubual dilaksanakan di rumah beliau pada 27 Mei 2010, pukul 13. 35 petang.

²²¹ <http://www.tempo.co/read/news/2010/02/01/058222610/Acwh-Diminta-Hentikan-HukumanCambuk>, 5 Jun 2012.

²²² <http://www.tempo.co/read/news/2011/05/22/063335921/Amnesty-International-Minta-Hukuman-Cambuk-Dicabut>, 5 Jun 2012

Dengan wujudnya masalah dan cabaran seperti yang diterangkan di atas, dapat difahami bahawa masalah dan cabaran tersebut merupakan penghalang kepada pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Oleh itu, diharapkan kerajaan Aceh dapat menyelesaikan semua masalah dan cabaran tersebut dengan kerjasama institusi-institusi penguatkuasa kanun Syariat Islam. Salah satu caranya adalah dengan memberi peruntukan dana serta kemudahan terutamanya dalam hal pendidikan agama. Hal ini sekaligus memberi sokongan kepada masyarakat.

4.4. Pandangan dan Pendirian Penguatkuasa Kanun Jenayah Terhadap Pelaksanaan Hukuman Sebat di Bandar Bireuen.

Menurut Pengetua Mahkamah Syariah bandar Bireuen, Drs. Muzzammil Ali menyatakan bahawa pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen merupakan keistimewaan yang telah diberikan oleh kerajaan pusat yang harus dijaga dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Peluang yang diberikan ini semestinya dimanfaatkan untuk melaksanakan Syariat Islam di bandar Bireuen khasnya dan di seluruh bandar-bandar lain amnya. Pada awal pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen pada tahun 2005, ianya disambut dengan baik oleh masyarakat. Namun pada hari ini kenyataan tersebut sudah berubah dari apa yang diharapkan oleh masyarakat. Harapan dari pihak Mahkamah Syariah supaya pelaksanaan hukuman sebat tersebut dapat dijalankan semula agar perbuatan jenayah di bandar Bireuen akan semakin berkurangan. Harapan tersebut tidak akan tercapai sama sekali kecuali apabila ianya mendapat sokongan daripada Bupati selaku pihak berkuasa mengeluarkan dana untuk

pelaksanaan hukuman tersebut.²²³ Oleh yang demikian, besar harapan dari pihak Mahkamah Syariah agar Bupati memperuntukkan dana yang memadai bagi pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.

Pihak Pendakwa Raya Kerajaan juga sangat menyokong pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Hal ini dibuktikan melalui tindakan Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen yang menghantar fail identiti pesalah yang akan dihukum sebat ke Dinas Syariat Islam sebagai fasilitator. Namun mereka mengakui bahawa timbulnya masalah yang terpaksa dihadapi ketika hendak melaksanakan hukuman. Antara masalah tersebut ialah tidak tersedia tempat pelaksanaan hukuman sebat. Oleh itu, Wawan Ernawan SH mencadangkan kepada kerajaan Bireuen agar membuat satu pentas (tempat pelaksanaan) hukuman sebat. Di samping itu, pelaksanaan hukuman sebat tersebut tidak semestinya dilaksanakan pada hari Jumaat sahaja seperti mana yang dilaksanakan ketika ini. Hal ini untuk memastikan agar hukuman sebat itu tidak terkesan hanya setakat pelaksanaan sahaja.²²⁴

Drs. Umar Budiman selaku Pengarah Dinas Syariat Islam bandar Bireuen menilai bahawa peruntukan dana pelaksanaan hukuman sebat yang diambil daripada dana belanjawan daerah (APBD) sangat sedikit, sehingga pelaksanaan hukuman sebat tidak dapat dijalankan dengan maksimum. Oleh demikian, besar harapan pihak Dinas Syariat Islam supaya kerajaan bersedia untuk menyokong semua program Dinas Syariat Islam, terutamanya pelaksanaan hukuman sebat. Dengan pelaksanaan hukuman sebat tersebut diharapkan membawa kesan positif bagi bandar Bireuen

²²³ Muzzamil Ali, Pengetua Mahkamah Syariah Bandar Bireuen. Temubual dijalankan di Pejabat Mahkamah Syariah Bireuen pada 25 Mei 2010, pukul 09.30 am

²²⁴ Wawan Ernawan, Pengarah Pendakwa Raya Kerajaan Bireuen. Temubual dilaksanakan di Pejabat Pendakwa Raya Kerajaan di bandar Bireuen pada 20 Oktober 2010, pukul 15.30 pm.

sehingga terpelihara daripada pelanggaran kanun jenayah seperti perjudian, meminum arak dan khalwat.²²⁵ Di samping itu juga Pengarah Dinas Syariat Islam sangat menyokong pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Oleh itu Drs. Umar Budiman mengharapkan masyarakat berperanan dalam menjayakan pelaksanaan hukuman sebat dengan memberi sokongan moral mahupun material.²²⁶

Pengarah Wilayatul Hisbah (WH), Drs. Muhammad Daud ketika pengkaji menemubual, beliau mengatakan bahawa pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen bukan sahaja tanggungjawab Wilayatul Hisbah dan Dinas Syariat Islam akan tetapi pelaksanaan hukuman sebat di Bireuen juga merupakan tanggungjawab seluruh masyarakat. Pihak Wilayatul Hisbah hanya setakat memberi peringatan dan nasihat kepada masyarakat yang melanggar kanun jenayah. Oleh itu, Wilayatul Hisbah mengharapkan kepada seluruh lapisan masyarakat agar menyokong hukuman sebat tersebut. Wilayatul Hisbah sebagai pelaksana hukuman yang ditetapkan oleh Pendakwa Raya sangat menyokong pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen. Melalui pelaksanaan hukuman sebat itu diharapkan supaya masyarakat akan lebih mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi dilarang-Nya seperti berjudi, meminum arak dan khalwat. Selain daripada itu, diharapkan juga agar hasrat untuk membina masyarakat yang taat beragama serta aman dan damai akan tercapai.²²⁷

²²⁵ Umar Budiman, Pengarah Dinas Syariat Islam Bandar Bireuen. Temubual dilaksanakan di Pejabat Dinas Syariat Islam Bandar Bireuen pada 24 Mei 2010, pukul 10.30 am.

²²⁶ *Ibid.*,

²²⁷ Muhammad Daud, Pengarah Suruhanjaya Siasatan Kanun Pencegahan dan Perdamaian. Temubual dilaksanakan di bilik Pejabat Wilayatul Hisbah Bandar Bireuen pada 24 Mei 2010, pukul 11.30 am.

4.5. Kesimpulan

Pelaksanaan hukuman sebat telah berjalan selama lebih kurang tujuh tahun di bandar Bireuen. Namun demikian masih terdapat masalah dan cabaran yang dihadapi pihak pelaksana hukuman sebat dalam menjalankan hukuman tersebut. Antara masalah tersebut adalah dana dan kemudahan institusi penguat kuasa kanun yang terhad, peruntukan kanun jenayah Aceh yang tidak sempurna dan wujudnya diskriminasi pelaksanaan hukuman sebat dalam kalangan masyarakat sehingga masyarakat kurang menyokong pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Di samping masalah tersebut, terdapat pula cabaran dalam pelaksanaan hukuman sebat di Bireuen. Di antara cabarannya ialah kurangnya kefahaman masyarakat terhadap kandungan Kanun Jenayah Aceh dan wujudnya bantahan dan penolakan keras daripada beberapa organisasi masyarakat tempatan dan organisasi masyarakat di Indonesia terhadap pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen dan seluruh bandar-bandar yang ada di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.